

Mohd Adib: Kita ada strategi atasi zaman susah

JASIN, Ahad

MENTERI Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam berharap rakyat hendaklah dalam keadaan tenteram kerana kita ada strategi untuk menghadapi zaman susah ini.

Rakyat hendaklah memahami apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang, khususnya dalam menghadapi kemelesetan ekonomi, katanya di majlis perjumpaan Hari Raya dan meraikan bakal-bakal haji serta penerima-penerima anugerah di sini petang semalam.

Beliau menjelaskan pengaliran wang untuk projek-projek pembangunan adalah di antara masalah yang dihadapi di zaman kemelesetan ekonomi sekarang.

"Sebab itulah kita terpaksa menjimatkan wang bagi projek-projek pembangunan.

Tidak terjejas

"Namun begitu, keselesaan rakyat tetap tidak terjejas," tegas Datuk Seri Mohd Adib.

Sambil mengulas wawancara khas Perdana Menteri yang disiarkan semalam, Datu Seri Mohd Adib berkata, apa yang disarankan oleh Datuk Seri Dr Mahathir bertujuan untuk menjamin keselesaan rakyat untuk dunia serta persiapan untuk akhirat.

Katanya, pucuk pimpinan berpendapat banyak lagi perkara yang belum diselesaikan, terutama dalam keadaan kemelesetan ekonomi.

Hantar rombongan

Beliau menjelaskan, salah satu cara mengatasi masalah ini ialah menghantar rombongan perdagangan keluar negeri untuk menstabilkan harga-harga barangan kita, khususnya getah.

Katanya, langkah yang akan diambil oleh pentadbiran stok penimbal Amerika (GSA) untuk menambahkan stok getahnya sebanyak 380 juta tan mungkin memberi faedah kepada negara dalam menstabilkan harga getah.

Beliau mengajak rakyat agar merenung melalui semangat Aidilfitri bagaimana hendak membersihkan diri dari amalan membazir dan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

"Yang perlu kita lakukan ialah meningkatkan daya pengeluaran negara untuk menjamin kejayaan negara," katanya.



Datuk Seri Mohd Adib

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia